

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF

TARIKH: 27 OKTOBER 2014

SOALAN:

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan rasionalnya Kerajaan bercadang untuk membawa masuk 1.4 juta orang Bangladesh dan akan diberi kad pengenalan khas.. Apakah kesan jika keselamatan negara dikuasai oleh bangsa asing.

PR-1323-L63304

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan tidak pernah bercadang untuk membawa masuk 1.4 juta pekerja Bangladesh. Angka 1.4 juta adalah merujuk kepada jumlah pencari kerja Bangladesh yang telah berdaftar dengan Kerajaan Bangladesh untuk bekerja di luar negara. Jumlah ini termasuklah untuk mengisi 10 ribu kekosongan dalam sub sektor perladangan sawit di Semenanjung Malaysia.

2. Dasar kemasukan pekerja dari Bangladesh pada masa sekarang berasaskan kepada MoU diantara Kerajaan Malaysia dan Bangladesh yang ditandatangani pada tahun 2012. MoU tersebut menetapkan bahawa kemasukan pekerja Bangladesh hanya dibenarkan melalui mekanisme *G to G* dan berasaskan kepada keperluan industri di mana proses kemasukannya diuruskan oleh agensi Kerajaan yang berkaitan di kedua-dua negara dan tidak membabitkan penglibatan ejen atau pihak ketiga.

Tuan Yang DiPertua,

3. Kementerian Dalam Negeri tidak pernah memutuskan dasar pemberian kad pengenalan khas kepada 1.4 juta orang warganegara Bangladesh seperti yang didakwa. Kementerian Dalam Negeri berpandangan bahawa soalan yang ditanya adalah merujuk kepada pengambilan Pekerja Asing di bawah *Government to Government Programme (G to G)* yang mana keputusan dasarnya adalah di bawah Kementerian Sumber Manusia dan kemasukan Pekerja Asing tersebut adalah tertakluk kepada kelulusan Pas Lawatan Kerja (Sementara) oleh Jabatan Imigresen Malaysia.